

# Integrasi pelbagai nilai antara etnik pengukuh Malaysia MADANI



Felo Penyelidik Kanan, Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN)

Oleh Dr G Periasamy  
bhrencana@bh.com.my

**Tanggal** 31 Ogos, negara kita akan menyambut Hari Kebangsaan ke-66 dengan menyahut tema 'Malaysia MADANI: Tekad Perpaduan Penuhi Harapan'.

Tema ini membawa pengertian cukup bermakna dan tepat pada masa mengambil kira isu polarisasi perkauman semakin ketara ketika ini dan mengarah ke haluan kurang sihat dicetuskan pelbagai sumber.

Sebagai negara didiami berbilang etnik, budaya dan agama, inti pati perpaduan menjadi tekad yang menggerakkan harapan masyarakat untuk masa hadapan yang lebih baik.

Konsep Malaysia MADANI menjelma sebagai prinsip mendorong kesepakatan, mencetuskan kerjasama antara berbilang etnik dan mewujudkan citra perpaduan negara.

Bagaimanapun, perbezaan dalam hal suku, bangsa, agama, budaya dan pandangan politik sering menjadi punca konflik di seluruh dunia. Namun, tekad untuk mengukuhkan perpaduan tetap menjadi jalan paling bijak untuk menjamin kestabilan negara.

Tekad untuk membangun Malaysia MADANI diilhamkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mencerminkan kesediaan untuk mengakui, menghargai, dan meraikan keragaman budaya dan agama, sambil mencipta ruang bagi semua warganegara berganding bahu dalam arus pembangunan dan kemajuan negara.

Salah satu kunci utama dalam usaha memajukan Malaysia MADANI dan mengukuhkan perpaduan adalah melalui sistem pendidikan holistik. Pendidikan berperanan penting membentuk pandangan positif terhadap keragaman dan mening-

katkan pemahaman pelbagai budaya dan latar belakang.

Menerusi strategi mengintegrasikan unsur dimiliki pelbagai etnik dalam kurikulum, generasi muda dapat menghayati, menghargai nilai bersama serta menghormati perbezaan diwarisi selama ini.

Dalam ruang pembangunan sosioekonomi, konsep perpaduan adalah elemen konkrit bagi memandu negara ke landasan positif. Melalui kerjasama antara etnik dalam dunia perniagaan dan perindustrian, masyarakat berkemampuan membangunkan ekonomi yang kukuh dan berdaya saing jika peluang serta keperluan asas ditawarkan secara adil dan meluas.

## Laksana pendekatan lebih bijak

Peranan media sosial dan teknologi dalam mengeratkan perpaduan kaum juga tidak boleh diketepikan. Dalam era digital semakin pantas dan tanpa sempadan, maklumat atau isu diketengahkan serta



dikongsikan perlu dinilai supaya membawa pengertian bermakna dan berfaedah kepada semua pihak.

Oleh itu, pendekatan bijak-sana perlu dilaksanakan bagi mengendali dan mengawal selia pelbagai media sosial semakin meluas kini. Dalam menghadapi masa depan mencabar, Malaysia MADANI menjadi teras dan panduan mewujudkan harapan lebih baik kepada masyarakat.

Tekad perpaduan yang kuat akan membawa negara ini melewati berjenis-jenis rintangan. Berbekalkan semangat perpaduan ini, Malaysia mampu menonjol sebagai negara contoh kepada negara lain.

Kesimpulannya, tekad perpaduan bukan perkara boleh diambil mudah. Ia memerlukan usaha dan komitmen kukuh serta bersedia untuk mendengar dan belajar sesama kita.

Proses ini pasti berdepan dengan cabaran dan rintangan, tetapi dengan tekad mantap, hasil tercapai kelak akan jauh menjadi lebih bererti.

Dalam menghadapi pelbagai cabaran global seperti perubahan iklim, ketidakstabilan ekonomi dan ketidaksefahaman kaum serta perbezaan budaya, tekad perpaduan adalah aset tidak ternilai harganya.

Hanya dengan bersatu dan bekerjasama, Malaysia dapat mencapai perubahan positif serta mewujudkan harapan lebih baik kepada generasi mendatang.

Dalam hal ini, setiap individu tanpa mengira latar belakang perlu memainkan peranan jitu. Amalan dilihat kecil nilainya tetapi amat bermakna seperti menghormati pandangan, budaya dan kepercayaan orang lain tanpa prasangka perlu diterapkan di semua peringkat.

Model ini sudah pasti menyuburkan semangat perpaduan dan membantu mewujudkan harapan untuk masa depan lebih baik kepada rakyat serta negara.

"Hanya dengan bersatu dan bekerjasama, Malaysia dapat mencapai perubahan positif serta mewujudkan harapan lebih baik kepada generasi mendatang"